



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 32/2020

RUJUKAN : 23 APRIL 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan memasuki fasa seterusnya apabila berakhirnya tempoh fasa ketiga pada 28 April 2020. Walaupun statistik penularan menunjukkan perkembangan yang positif, sebagai kesinambungan dari usaha terdahulu, Kerajaan memutuskan untuk langkah kawalan diteruskan sehingga pada satu tahap yang diyakini wabak ini telah dapat dibendung sepenuhnya. Berdasarkan pandangan dari Akademi Perubatan Malaysia (AMM), pelbagai faktor perlu diperhalusi sebelum PKP boleh ditamatkan. Terdapat enam kriteria yang digariskan bagi mencapai matlamat tersebut;

1. Penularan COVID-19 adalah pada satu tahap yang rendah atau tanpa transmisi.
2. Keupayaan sistem kesihatan bagi mengesan, membuat ujian, proses kuarantin dan keberkesanan mengesan setiap kontak.
3. Menghapuskan atau mengurangkan kawasan risiko jangkitan terutama kategori zon merah.
4. Langkah-langkah pencegahan seperti penjarakan sosial dan penjagaan kesihatan terus diamalkan.
5. Mengurangkan risiko kes jangkitan yang diimport dari luar negara.
6. Masyarakat mempraktikkan kebiasaan baharu dalam menjalani kehidupan seharian.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 23 April 2020 **kumulatif kes sembah meningkat kepada 3,542** iaitu 63.2 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,966 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **71 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,603 kes**. Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan di **W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 29 kes** disusuli Negeri Sembilan (20 kes) dan Selangor (12 kes). Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi enam buah negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **95 kes kematian** telah direkodkan sehingga kini dengan pertambahan **2 kematian terbaru** seperti pada Jadual 1.

Statistik **pecahan kes positif mengikut daerah** menunjukkan sebanyak **30 daerah** telah dikategorikan sebagai **zon merah (41 kes ke atas)**. Menerusi kategori ini, terdapat 6 daerah mempunyai catatan keseluruhan melebihi 200 kes dengan **Lembah Pantai** merekodkan **jangkitan tertinggi sebanyak 646 kes** diikuti Hulu Langat (446 kes), Petaling (372 kes) dan Seremban (310 kes). Namun begitu, sehingga **SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)**

22 April 2020, jumlah **kes aktif bagi kategori zon merah** hanya direkodkan pada 13 daerah. Ini menggambarkan sebanyak 17 daripada 30 daerah **zon merah** telah berubah status kategori dipengaruhi oleh **perkembangan bilangan kes sembah yang baik** antaranya daerah Gombak, Cheras, Kinta, Kota Bharu, Jerantut, Tawau dan W.P Putrajaya. Sementara itu, **sejumlah 26 daerah** dari seluruh negara masih **mengekalkan rekod zon hijau** atau tanpa jangkitan positif COVID-19 sejak wabak mula menular.

Di seluruh dunia, **kumulatif jangkitan COVID-19** meningkat kepada **2,637,385 kes** dengan **jumlah kematian 183,561 kes**. Amerika Syarikat kekal mendominasi bilangan kes positif **dengan menyumbang 31.9 peratus**, disusuli Sepanyol iaitu 7.9 peratus dan Itali sebanyak 7.1 peratus. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura mendahului** dengan catatan 11,178 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (7,418 kes), Filipina (6,981 kes) termasuk Malaysia (5,603 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 46,785 kes**, diikuti Itali yang mencatatkan 25,085 kes, Sepanyol (21,717 kes) dan Perancis (21,373 kes). Kedudukan statistik **kadar kematian didominasi oleh Belgium** dengan 14.95 peratus, Algeria (13.81 peratus), United Kingdom (13.75 peratus) dan Perancis (13.60 peratus). Kadar kematian peringkat dunia terus meningkat kepada 6.96 peratus manakala kes sembah merekodkan 715,281 kes (27.12 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research Daily memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

EU: Aras keyakinan pengguna zon Eropah rendah. Keyakinan pengguna di zon Eropah (Euro) melemah untuk bulan kedua berturut-turut pada bulan April 2020. Indikator ini merekodkan **aras terendah yang menghampiri prestasi semasa krisis kewangan global 2008/2009 yang lepas**. Indeks keyakinan pengguna **turun mendadak kepada -22.7** dari -11.6 pada bulan Mac 2020 yang lepas. Penurunan ini melepas ramalan ahli ekonomi pada skor -19.6. Manakala, indeks keyakinan pengguna EU jatuh ke -22.0 dari -10.4 pada bulan sebelumnya. Kedua-dua indikator jatuh jauh di bawah purata jangka panjang masing-masing -11.1 dan -10.4. (RTT)

EU: ECB bertindak untuk melindungi ekonomi Eropah daripada penurunan penarafan. ECB akan menerima beberapa hutang kualiti rendah (*junk-rated*) sebagai jaminan pinjamannya kepada bank bagi melindungi ekonomi paling terjejas di kawasan Eropah yang menghadapi risiko penurunan kredit akibat krisis kesihatan COVID-19. Bon yang akan diterima adalah bon yang mempunyai sekurang-kurangnya gred pelaburan terendah pada 7 April. Keputusan ini dibuat 2 hari sebelum kemungkinan penurunan penarafan ke atas Itali oleh S&P Global Ratings. **Diramalkan beberapa bon kerajaan dan korporat mungkin menghadapi penurunan penarafan.** Ini memberi risiko limitasi kemampuan

syarikat yang untuk mendapatkan bantuan kredit yang perlukan untuk bertahan. (Bloomberg)

UK: Inflasi perlahan ke kadar 3 bulan terendah. Indeks harga pengguna (CPI) perlahan kepada 1.5 peratus pada bulan Mac 2020 berbanding 1.7 peratus pada bulan Februari yang lepas. Ini adalah kadar terendah sejak bulan Disember yang lalu yang bertumbuh 1.3 peratus. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, harga pengguna meningkat marginal 0.4 peratus. Sementara itu, inflasi teras perlahan kepada 1.6 peratus daripada 1.7 peratus sebulan yang lalu. **Inflasi harga output perlahan kepada 0.3 peratus** pada bulan Mac dari 0.5 peratus pada bulan Februari. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan (MoM), harga output menurun -0.2 peratus untuk bulan kedua berturut-turut berbanding ramalan penurunan -0.3 peratus. Pada masa yang sama, harga input menyusut -2.9 peratus berbanding penurunan -0.2 peratus pada bulan Februari 2020. Ini adalah kadar terendah sejak Oktober 2019. (RTT)

CHINA: Peningkatan kelewatan bayaran pinjaman dan kadar pinjaman tidak berbayar (NPL) akibat krisis COVID-19 melanda ekonomi China. Kegagalan pinjaman, kelewatan pembayaran balik dan hutang lapuk di China meningkat pada suku pertama 2020. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) sektor ini meningkat pada suku pertama kepada 2.04 peratus, dan dijangka terus meningkat pada suku kedua 2020. **Lebih dari CNY 450 bilion hutang lapuk pada suku pertama**, iaitu peningkatan CNY 81 bilion dari tempoh yang sama tahun lalu. Sebagai makluman, sektor perbankan China telah memberi penangguhan pembayaran prinsip dan faedah pinjaman yang berjumlah kira-kira CNY 880 bilion kepada perusahaan kecil dan mikro yang merupakan kumpulan paling terjejas akibat krisis ini. Selain itu, pinjaman kepada perusahaan kecil dan mikro meningkat secara mendadak pada suku pertama dengan jumlah hutang belum lunas meningkat 25.93 peratus kepada jumlah CNY 12.55 trilion pada akhir Mac 2020. Jumlah pinjaman baru yang berkaitan dengan COVID-19 yang dikeluarkan pada suku pertama adalah lebih daripada CNY 2.5 trilion. (Reuters)

Korea Selatan: Prestasi KDNK pada asas perbandingan bulan-ke-bulan (MoM) pelarasan bermusim turun -1.4 peratus pada suku pertama 2020 setelah meningkat 1.3 peratus pada suku keempat tahun sebelumnya. Pada asas perbandingan tahun-ke-tahun (YoY), KDNK perlahan kepada 1.3 peratus berbanding pertumbuhan 2.3 peratus pada suku keempat tahun sebelumnya. Sementara itu, Pendapatan Kasar Domestik (GDI) turun sebanyak -0.6 peratus pada suku ini berbanding suku sebelumnya. Dari segi perbelanjaan, **perbelanjaan penggunaan swasta turun 6.4 peratus (MoM)** akibat penurunan perbelanjaan ke atas barang seperti Kenderaan bermotor & pakaian dan perkhidmatan (Penginapan & makanan, rekreasi & kebudayaan) (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Kerajaan telah membenarkan aktiviti pembuatan simen untuk beroperasi pada **PKP fasa 3**. Cement and Concrete Association of Malaysia (C&CA) menyatakan bahawa kelulusan tersebut memberi impak positif kepada perniagaan dan majikan serta **mampu menyelamatkan ribuan pekerjaan**.
2. **The Malaysian REIT Managers Association (MRMA)** memohon kenaikan dari **15 peratus kepada 25 peratus** dalam **diskaun elektrik** yang diberikan kepada **hotel, pusat membeli-belah, pusat konvensyen dan pameran, bangunan komersil** dan perindustrian selama 6 bulan, bermula April hingga September 2020.
3. **Pandemik Covid-19 menyebabkan perniagaan e-dagang** berkembang pesat kerana pengguna telah beralih ke platform dalam talian untuk mendapatkan keperluan barang harian yang penting. **Pertumbuhan jumlah jualan kasar meningkat 149 peratus** tahun ke tahun pada suku pertama 2020 sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di Malaysia. Kajian ini berdasarkan platform dalam talian di Malaysia yang sebahagian besar penjualan berasal dari **Lazada dan Shopee Malaysia**.
4. **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** melancarkan Program **Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP)** bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkesan akibat COVID-19. Program ini **memberi fleksibiliti kepada penangguhan caruman majikan** bagi bulan yang dipilih. Ini bertujuan membantu PKS dapat beroperasi di samping **mengekalkan pekerja** dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara.
5. **Peningkatan harga minyak mentah** menggambarkan prospek yang lebih positif bagi jangka masa sederhana dan akan turut **memacu prestasi ringgit yang dibuka 0.23 peratus** lebih tinggi berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) hari ini.
6. **Indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI** (FBM KLCI) meningkat **10.21 mata kepada 1,392.10 daripada 1,381.89** dengan jumlah dagangan sebanyak 627.05 juta saham bernilai RM227.25 juta.
7. **Kadar purata penghuni hotel** di Malaysia **dijangka akan menurun ke bawah 30 peratus pada tahun ini** disebabkan pandemik COVID-19. Pada masa sekarang, hotel tempatan dijangka akan hilang pendapatan sebanyak RM3.3 bilion sebelum Jun 2020.

8. Perdagangan **Malaysia dengan ASEAN menyumbang 26.5 peratus** daripada **jumlah perdagangan sebanyak RM 136.28 bilion** pada bulan Februari. Pengeluaran dan perdagangan mungkin tidak pulih sepenuhnya (kira-kira 96-98 peratus kapasiti) pada suku keempat 2020 dan ke suku pertama 2021.
9. Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd melancarkan **Kempen 'Raya Jimat, Raya Selamat'** bermula dari 23 April hingga 11 Jun ini, **di semua 60 cawangan Tesco dan platform atas talian termasuk Tesco Online, Lazada dan Shopee**. Syarikat ini juga **mula merekrut 600 pekerja baharu** untuk menyokong perubahan permintaan dalam tempoh ini.
10. **Kerajaan telah memberi pelanjutan waktu operasi** pada bulan Ramadhan bagi **pasar basah** bagi membolehkan umat Islam membeli makanan dan barang keperluan lain untuk tempoh ini dan pemanjangan tempoh operasi bagi **pengangkutan awam** adalah untuk **memberi kemudahan kepada penjawat awam** yang biasanya dibenarkan keluar bekerja 30 minit lebih awal pada bulan puasa.
11. **Sektor Pertanian dijangka** sektor paling pantas pulih selepas berakhirnya krisis pandemik Covid-19 untuk kembali menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. **Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)** bakal melancarkan projek simpanan **stok makanan**, yang mana memerlukan pengeluaran tanaman bukan sahaja di peringkat domestik, malah di luar negara seperti dilakukan Singapura.
12. Sebanyak **100 tan nanas jenis Moris** yang diusahakan oleh pekebun berdaftar di bawah LPNM Johor **berjaya dipasarkan** dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pengilang.
13. Lembaga Getah Malaysia (LGM) memperkenalkan **aplikasi RRIMniaga** bagi mempermudahkan **urus niaga getah membabitkan peruncit, pembeli dan peraih**. Penggunaan RRIMniaga akan dapat memastikan proses transaksi getah berjalan lancar dan telus bagi kebaikan semua yang terbabit dalam urusan jual beli getah. **RRIMniaga mempunyai kelebihan dan dihubungkan terus dengan sistem data pekebun kecil (IPG)** bagi setiap aktiviti urus niaga getah.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>MIER sees economy rebounding by 3Q under best case scenario</p> <p>The Malaysian Institute of Economic Research (MIER) projects economic activities including trade and investment to fully rebound by the third quarter of this year and further strengthen through 2021.</p> <p>However, under the worst-case scenario, production and trade may not fully recover (about 96%-98% capacity) by the fourth quarter of 2020 and into the first quarter of 2021 as well.</p> <p>MIER's concerns about the impact of extending the containment policy or lockdown beyond April 28 on the economy and also the risks of a premature economic opening. Any extension of the movement control order (MCO) beyond April 28, the deeper will be the recession in 2020.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/23/mier-sees-economy-rebounding-by-3q-under-best-case-scenario
2.	The Malaysian Reserve	<p>Malaysia may need deeper Covid-19 response, but fiscal space is limited</p> <p>MALAYSIA will need a stronger economic policy response should the Covid-19 outbreak worsen, but the country's coffers may not be deep enough for such a move, the World Bank said.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/23/malaysia-may-need-deeper-covid-19-response-but-fiscal-space-is-limited/

		<p>According to the World Bank, an uncontained or further deterioration of the outbreak would result in more severe or prolonged restrictions on overall economic activities, posing a further drag on growth into 2021.</p> <p>The government has so far rolled out RM260 billion worth of economic stimulus packages largely aimed at helping small and medium enterprises and the B40 and M40 (bottom 40% and middle 40% of households) income groups.</p> <p>Yet experts have said these initiatives may not be enough to cushion the economy against the damages arising from the Movement Control Order which began in mid-March and is slated to end on April 28.</p>	
3.	The Malaysian Reserve	<p>MPOB: Govt defers B20 fuel programme rollout</p> <p>The government deferred the implementation of the national B20 Biodiesel Programme due to lower crude palm oil (CPO) demand and to focus resources in response to the Covid-19 outbreak.</p> <p>The green fuel programme was launched in February but has been retailed in stages in Langkawi, Kedah, and Labuan since January.</p> <p>The higher usage of palm oil in biodiesel will depend on</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/23/mpob-govt-defers-b20-fuel-programme-rollout/

		<p>demand post-Covid-19, palm oil prices and Malaysia's stocks.</p> <p>CGS-CIMB Securities Sdn Bhd head of research Ivy Ng said the potential loss in CPO demand is expected to be more visible in 2021 should the government decide to halt the B20 Biodiesel Programme.</p>	
4.	The Malaysian Reserve	<p>Resuming construction sector will benefit subsectors, small players</p> <p>Restarting construction projects and related services would help the country cushion the economic fallout from the coronavirus.</p> <p>The sector, which accounts for almost 5% of the country's estimated RM1.3 trillion economy, has tanked since the Movement Control Order (MCO) was imposed.</p> <p>Socio-Economic Research Centre ED Lee Heng Guie said the sector's economic contribution is about 4.5% of the GDP, but it interrelates to 140 subsectors.</p> <p>The boost in hundreds of subsectors, largely in building materials, transportation and renovation, would help spin the economy during this trying period.</p>	https://themalaysiareserve.com/2020/04/23/resuming-construction-sector-will-benefit-subsectors-small-players/

5.	The Star	<p>Cement industry thanks Government for green light to resume work</p> <p>The Cement and Concrete Association of Malaysia (C&CA) which represents the cement industry in the country commends the Government's decision and applauds the International Trade and Industry Ministry for their prompt action in allowing cement plants to resume operations to serve the local construction industry and export markets.</p> <p>This approval granted to the cement industry to resume operations is a welcome reprieve as the industry has been suffering massive losses over the last two years and this Covid-19 pandemic has exacerbated the situation.</p> <p>This approval to resume operations during MCO phase 3 will have a multiplier effect and bring great relief to businesses and their employees, potentially saving hundreds of thousands of jobs</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/23/cement-industry-thanks-government-for-green-light-to-resume-work
----	-----------------	---	---

Penemuan penting & isu:

- Artikel 4 – Socio-Economic Research Centre menyatakan bahawa sektor Pembinaan menyumbang 4.5 peratus kepada KDNK dan sektor tersebut berkait dengan 140 subsektor lain. Pembukaan semula projek pembinaan dan perkhidmatan berkaitan akan dapat membantu mengatasi kejatuhan ekonomi negara.
- Artikel 5 – Kerajaan telah membenarkan aktiviti pembuatan simen untuk beroperasi pada PKP fasa 3. Cement and Concrete Association of Malaysia (C&CA) menyatakan bahawa kelulusan tersebut memberi impak positif kepada perniagaan dan majikan serta mampu menyelamatkan ribuan pekerjaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Aktiviti pembinaan telah tergendala akibat daripada arahan PKP dan inisiatif Kerajaan membenarkan beberapa aktiviti pembinaan terpilih dijalankan akan dapat membantu perkembangan sektor Pembinaan. Pada ST4 2019, nilai ditambah sektor ini merekodkan pertumbuhan 1.0 peratus berbanding negatif 1.5 peratus pada suku sebelumnya.
2. Kelulusan Kerajaan membenarkan aktiviti pembuatan simen kembali beroperasi akan memberi impak positif kepada industri tersebut serta rantai aktiviti berkaitan pembinaan dan perkhidmatan jualan kepada pembekal. Subsektor Pembuatan produk mineral bukan logam telah menyumbang 0.8 peratus kepada KDNK pada ST4 2019 berbanding dengan 0.9 peratus pada suku sebelumnya.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Malay Mail	<p>Senior minister: Longer operation hours for wet markets, public transport during Ramadhan</p> <p>The wet markets will be allowed to operate from 6am to 2pm, two hours longer than what has been allowed during the movement control order (MCO), while public-registered vehicles can be on the road from 4pm instead of 5pm to 10pm.</p>	https://www.msn.com/en-my/news/national/senior-minister-longer-operation-hours-for-wet-markets-public-transport-during-ramadan/ar-BB134yN2
2.	Berita Harian	<p>Tesco tawar penjimatan besar sempena Hari Raya</p> <p>Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Tesco Malaysia) melancarkan kempen 'Raya Jimat, Raya Selamat' seiring dengan perubahan keperluan orang ramai ketika menjalani keadaan normal baharu disebabkan pandemik COVID-19.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/680821/tesco-tawar-penjimatan-besar-sempena-hari-raya

	B. Subsektor Kesihatan Swasta		
3.	The Star	<p>KPJ hospitals in full operation</p> <p>KPJ Healthcare Berhad (KPJ), is an essential service that continues to operate 24 hours attending to patients during the movement control order (MCO) period.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/23/kpj-hospitals-in-full-operation
4.	The Star	<p>Sunway Medical Centre offers teleconsultation services for patients</p> <p>Over 70 doctors and healthcare professionals across over 40 specialties are live on a teleconsultation platform for the benefit of Sunway Medical Centre patients.</p> <p>Teleconsultation is offered mainly to follow-up patients and those who seek a second opinion. Sunway Medical Centre became the first private hospital to offer this service to its self-paying patients since March 28.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/23/sunway-medical-centre-offers-teleconsultation-services-for-patients
	C. Subsektor Penginapan		
5.	The Star	<p>Occupancy rates to dip</p> <p>Malaysia's hotel average occupancy rate is expected to plummet to below 30% this year, due to the adverse impact of the COVID-19 pandemic on the hospitality sector.</p> <p>As of 12 April 2020, the list had grown to over 23,000 rooms, with approximately 12,000</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/23/occupancy-rates-to-dip#.XqEjTaasmIQ.whatsapp

		returning Malaysians being quarantined.	
6.	The Star	<p>Budget hotels willing to accommodate</p> <p>Twenty-three budget hotels throughout Malaysia have been selected by the National Disaster Management Agency (Nadma) to serve as quarantine centres for Malaysians returning from abroad. The authorities may need a hotel with at least 100 rooms for them to mobilise their medical and back-up teams in a more cost-effective manner.</p>	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/04/23/budget-hotels-willing-to-accommodate#.XqEjpyH9I2E.whatsapp

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan telah memberi pelanjutan waktu operasi pada bulan Ramadhan bagi pasar basah bagi membolehkan umat Islam membeli makanan dan barang keperluan lain untuk tempoh ini. Pemanjangan tempoh operasi bagi pengangkutan awam adalah untuk memberi kemudahan kepada penjawat awam yang biasanya dibenarkan keluar bekerja 30 minit lebih awal pada bulan puasa.
2. Peniaga mula membuat tawaran jualan sempena Hari Raya Aidilfitri secara atas talian.
3. Perkhidmatan konsultansi secara maya membolehkan pesakit tempatan dan luar negara berunding dengan doktor, psikologi klinikal, ahli terapi pertuturan, audiologi, pasukan pemulihan dan ahli diet tanpa perlu hadir secara fizikal, dengan temujanji dibuat sekurang-kurangnya satu hari kerja sebelumnya.
4. Malaysian Association of Hotels (MAH) mensasarkan *occupancy rates* akan mengalami penurunan di bawah 30 peratus pada tahun 2020. Penurunan yang dianggarkan adalah dengan andaian bahawa PKP akan berakhir pada 28 April 2020.
5. Sebanyak 23 hotel bajet yang telah dipilih oleh Agensi Pengurusan Bencana Nasional (Nadma) untuk dijadikan pusat kuarantin bagi rakyat Malaysia yang kembali dari luar negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penambahan tempoh masa yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk membeli bahan mentah di pasar basah secara tidak langsung dapat meningkatkan industri jualan gerai dan pasar.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Pertikaian AS-Iran Ionjak harga minyak</p> <p>Harga minyak melonjak apabila ketegangan di antara Amerika Syarikat (AS) dan Iran di rantau Teluk yang kaya dengan minyak mentah semakin meningkat.</p> <p>Minyak mentah Brent, penanda aras antarabangsa, meningkat 11.8 peratus kepada AS\$22.79 setong. Penanda aras AS, West Texas Intermediate (WTI) pula melonjak 14.37 peratus kepada AS\$15.76 setong.</p> <p>Pasaran mengalami turun naik minggu ini, dengan minyak mentah AS jatuh ke wilayah negatif untuk pertama kalinya kerana pedagang berusaha untuk memindahkan minyak, tetapi tidak dapat mencari pembeli kerana kemudahan penyimpanan mencapai kapasiti.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/680817/pertikaian-iran-ionjak-harga-minyak
2.	Market Access Map, International Trade Centre (ITC)	<p>COVID-19 Temporary Trade Measures</p> <p>Daily update of COVID-19 trade measures:</p> <p>Zimbabwe bans the export of medical supply products. (Effective on 22/04/2020)</p> <p>Belarus bans the export of medical ventilators. (Effective on 22/04/2020)</p>	https://www.macmap.org/en/covid19

	Romania repeals the export ban on certain food products. (Effective on 21/04/2020)	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak melonjak apabila ketegangan di antara Amerika Syarikat (AS) dan Iran di rantau Teluk yang kaya dengan minyak mentah semakin meningkat. Minyak mentah Brent, penanda aras antarabangsa, meningkat 11.8 peratus kepada AS\$22.79 setong. Penanda aras AS, West Texas Intermediate (WTI) pula melonjak 14.37 peratus kepada AS\$15.76 setong.
2. Belarus telah mengenakan larangan eksport terhadap mesin ventilator perubatan. Manakala, Zimbabwe telah mengenakan larangan eksport terhadap bekalan perubatan. Romania menarik balik sekatan larangan eksport produk makanan tertentu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import **minyak mentah** (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak mentah bernilai RM2.2 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak mentah meningkat RM165.6 juta atau 8.0% daripada RM2.1 bilion. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengeksport minyak mentah bernilai RM1.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM343.3 juta atau 16.1% daripada RM2.1 bilion.
2. Nilai import **mesin ventilator perubatan** (HS 901920) pada tahun 2019 ialah RM95.4 juta. Sumber utama import ialah dari China (RM22.6 juta, 23.7%), Amerika Syarikat (RM18.3 juta, 19.2%) dan Singapura (RM15.8 juta, 16.5%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport mesin ventilator perubatan bernilai RM8.6 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import mesin ventilator perubatan meningkat RM3.4 juta atau 66.4% daripada RM5.2 juta. Manakala, nilai eksport mesin ventilator perubatan ialah RM261.3 juta. Malaysia mengeksport mesin ventilator perubatan ke Singapura (RM94.6 juta, 36.2%), Amerika Syarikat (RM58.3 juta, 22.3%) dan Jerman (RM30.6 juta, 11.7%). Pada bulan Februari 2020, eksport mesin ventilator perubatan bernilai RM19.8 juta. Berasaskan tahun ke tahun, eksport mesin ventilator perubatan meningkat RM2.2 juta atau 12.5% daripada RM17.6 juta.
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets	<p>Raise electricity tariff discount for malls and hotels to 25% from 15%, says MRMA</p> <p>The Malaysian REIT Managers Association (MRMA) is calling for relief measures to help the local real estate investment trusts (REITs) industry mitigate the adverse impacts it is currently facing.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/raise-electricity-tariff-discount-malls-and-hotels-25-15-says-mrma
2.	BH Online	<p>Lantik konsortium luar uji pekerja pembinaan</p> <p>Lantik konsortium luar uji pekerja pembinaan' Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia (PKBM) mencadangkan konsortium luar dilantik untuk melakukan ujian saringan ke atas semua pekerja dalam sektor pembinaan yang dibenar beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/680649/lantik-konsortium-luar-ujи-pekerja-pembinaan
3.	Sinar Harian	<p>PBT diarah diarah pantau tapak projek pembinaan</p> <p>Pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini diarahkan supaya meninjau projek pembinaan yang ditinggalkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan tapak projek berkenaan berada dalam keadaan selamat dan tidak berisiko kepada penduduk sekitar.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/80272/EDISI/Utara/PBT-di-Kedah-diarah-pantau-tapak-projek-pembinaan

	Pemaju atau kontraktor yang meninggalkan tapak binaan projek sejak bermulanya PKP perlu melaporkan kepada PBT sekiranya binaan belum disiapkan sepenuhnya dan berisiko mengundang bahaya kepada masyarakat sekeliling.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. MRMA memohon kenaikan dari 15% kepada 25% dalam diskaun elektrik yang diberikan kepada hotel, pusat membeli-belah, pusat konvensyen dan pameran, bangunan komersil dan perindustrian selama 6 bulan, bermula April hingga September 2020.
2. Pemaju dan kontraktor perlu memastikan pekerja binaan mengikut garis panduan yang ditetapkan sekiranya perlu beroperasi dalam tempoh PKP.

Maklumbalas Bahagian:

1. Enam sektor perniagaan terpilih iaitu syarikat perhotelan, agensi pelancongan, penerbangan tempatan, pusat beli-belah, konvensyen dan taman tema yang terjejas berikutan penularan wabak Covid-19 akan menerima diskaun 15% bagi penggunaan elektrik sepanjang tempoh enam bulan berkenaan melalui pakej Rangsangan Ekonomi 2020.
2. Pemantauan berterusan senarai pertubuhan bagi industri yang beroperasi dalam tempoh PKP.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	Pemulihan harga minyak dorong kenaikan ringgit Peningkatan harga minyak mentah menggambarkan prospek lebih positif bagi jangka sederhana turut memacu prestasi ringgit yang dibuka 0.23 peratus lebih tinggi berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) hari ini. Ringgit naik 100 mata asas kepada 4.3550/3645 berbanding dolar AS daripada 4.3650/3750 sewaktu ditutup pada Rabu. West Texas Intermediate (WTI)	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/680609/pemulihan-harga-minyak-dorong-kenaikan-ringgit

		penanda aras pasaran hadapan AS, bagi global meningkat 1.52% kepada AS\$13.99 setong manakala Brent naik 1.67% kepada AS\$20.71 setong. Ringgit diniagakan lebih tinggi berbanding matawang lain seperti yen, dolar Singapura, euro dan pound.	
2.	Berita Harian	<p>Bursa Malaysia teruskan kenaikan</p> <p>Prestasi Bursa Malaysia menunjukkan kenaikan semalam apabila dibuka lebih tinggi hari ini susulan sentimen positif pelabur terhadap laporan pendapatan dan tanda-tanda penularan COVID-19 kian reda. Pada 9.15 pagi, indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) meningkat 10.21 mata kepada 1,392.10 daripada 1,381.89. Jumlah dagangan sebanyak 627.05 juta saham bernilai RM227.25 juta.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/680594/bursa-malaysia-teruskan-kenaikan
3.	The Star	<p>Maybank expects the economy to shrink 3.3% this year</p> <p>MALAYAN BANKING BHD (Maybank), the country's biggest financial services group, has forecast the Malaysian economy to shrink 3.3% this year due to the novel coronavirus (COVID-19) pandemic and the lower price of crude oil. In its 2019 annual report released yesterday, Maybank's economic team said the combined lethal shocks of</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/23/maybank-expects-the-economy-to-shrink-33-this-year

	<p>the COVID-19 pandemic and weakening commodity prices will push the global economy into a recession this year. Nevertheless, aggressive monetary policy easing and stimulus by central banks, as well as fiscal stimulus worldwide, have been put in place to mitigate the supply, demand, market and commodity shocks of COVID-19.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Peningkatan harga minyak mentah menggambarkan prospek yang lebih positif bagi jangka masa sederhana dan akan turut memacu prestasi ringgit yang dibuka 0.23 peratus lebih tinggi berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) hari ini.
2. Akhbar 2: Indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) meningkat 10.21 mata kepada 1,392.10 daripada 1,381.89 dengan jumlah dagangan sebanyak 627.05 juta saham bernilai RM227.25 juta.
3. Akhbar 3: Maybank menyatakan ekonomi Malaysia akan menguncup 3.3% akibat pandemik COVID-19 dan kejatuhan harga minyak mentah. Kejutan daripada pandemik dan juga harga komoditi yang lembap bakal menyebabkan Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1 dan 2: Prestasi ringgit yang semakin baik yang dipacu oleh peningkatan harga minyak mentah dan situasi kenaikan Bursa Malaysia bakal memberi kesan kepada penyusunan statistik Imbangan Pembayaran dan Akaun Kewangan secara keseluruhan.
2. Akhbar 3: Kelembapan ekonomi Malaysia yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan kejatuhan harga minyak mentah bakal dilihat kesannya dalam penyusunan statistik Akaun Kewangan dan Akaun Semasa. Pada tahun 2019, lebihan imbangan akaun semasa mencecah RM49.7 bilion manakala Akaun Kewangan mencatatkan aliran keluar bersih berjumlah RM34.3 bilion.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Malaysian Reserve	<p>E-commerce sees over 800% sales on cooking utensils, undergarments and gloves</p> <p>Covid-19 pandemic has resulted in e-commerce businesses booming rapidly, as many people turn towards online platforms to stock up on their essential daily items.</p> <p>The gross merchandise volume growth surged by 149% year-on-year in the first quarter of 2020 since the Movement Control Order (MCO) was enforced in Malaysia.</p> <p>Latex gloves and cooking appliances like frying pan and woks, also surged 888% and 880% respectively in online sales. The e-commerce study was carried out based on online platforms in Malaysia, with the majority of sales coming from Lazada and Shopee Malaysia.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/23/e-commerce-sees-over-800-sales-on-cooking-utensils-undergarments-and-gloves/
2.	Bernama	<p>Teknologi sejuk beku mampu atasi lambakan sayuran di Sabah</p> <p>Hayat kebolehpasaran sayur-sayuran boleh dilanjutkan selama 3-9 bulan dengan menggunakan teknologi sejuk beku berkaitan, sekali gus mengatasi masalah lambakan khususnya di Sabah.</p> <p>Sabah berpotensi menjadi pusat pengeluaran sayuran</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1834990

		<p>utama Malaysia, berkata Kundasang pada masa ini mampu mengeluarkan sekitar 10-15 tan sayuran sehari dan pembukaan kilang sejuk beku itu mampu menangani isu hayat kebolehpasaran sayuran.</p> <p>Sayuran itu boleh dipasarkan ke seluruh Sabah dan lebihhinya dieksport ke Brunei, Filipina dan Indonesia yang memberi hasil kepada kerajaan Sabah di masa depan. Kos mesin sejuk beku lengkap adalah sekitar RM150,000 hingga RM500,000 dengan kapasiti pemprosesan 5-20 tan sehari selain pembungkusan 500 gram sehingga tiga kilogram setiap satu mengikut jenis sayuran.</p>	
3.	Berita Harian	<p>Program e-CAP KWSP bantu PKS terjejas</p> <p>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melancarkan Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) bagi memberi sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas akibat pandemik global.</p> <p>e-CAP memberi fleksibiliti kepada majikan yang layak, memilih untuk membuat permohonan penangguhan dan penstrukturkan semula caruman majikan bagi bulan caruman April, Mei dan atau Jun 2020.</p> <p>PKS adalah ekonomi Malaysia, menyumbang sebanyak RM522</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/680774/program-e-cap-kwsp-bantu-pks-terjejas

	<p>bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan memberi jumlah pekerjaan terbanyak untuk pasaran buruh tempatan.</p> <p>Serta mewakili 99 peratus daripada jumlah keseluruhan majikan yang berdaftar dengan KWSP dan menggaji seramai 7.6 juta pekerja.</p>	
Penemuan penting & isu:		
<ol style="list-style-type: none"> 1. Pandemik Covid-19 menyebabkan perniagaan e-dagang berkembang pesat kerana pengguna telah beralih ke platform dalam talian untuk mendapatkan keperluan barang harian yang penting. Pertumbuhan jumlah jualan kasar meningkat 149 peratus tahun ke tahun pada suku pertama 2020 sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di Malaysia. Kajian ini berdasarkan platform dalam talian di Malaysia yang sebahagian besar penjualan berasal dari Lazada dan Shopee Malaysia. 2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melancarkan Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkesan akibat COVID-19. Program ini memberi fleksibiliti kepada penangguhan caruman majikan bagi bulan yang dipilih. Ini bertujuan membantu PKS dapat beroperasi di samping mengekalkan pekerja dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara. 		

Maklumbalas Bahagian:

1. Perniagaan dalam talian bertumbuh pesat sebanyak 149 peratus tahun ke tahun pada suku pertama 2020, kesan daripada pembelian barang harian yang penting sepanjang tempoh PKP. Peniaga e-dagang disarankan untuk memperkuuh penggunaan teknologi dalam kalangan pekerja agar pengurusan operasi pembelian berjalan lancar bagi memenuhi permintaan pengguna sepanjang tempoh PKP.
2. Inisiatif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui program e-CAP adalah bertujuan membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam jangka pendek serta pasaran tenaga kerja di samping mengekalkan daya tahan ekonomi domestik akibat pandemik COVID-19.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Pemulihan harga minyak dorong kenaikan ringgit</p> <p>Peningkatan harga minyak mentah yang menggambarkan prospek lebih positif bagi jangka sederhana turut memacu prestasi ringgit yang dibuka 0.23 peratus lebih tinggi berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), hari ini. Pada 9.01 pagi, unit tempatan itu naik 100 mata asas kepada 4.3550/3645 berbanding dolar AS daripada 4.3650/3750 sewaktu ditutup pada Rabu.</p> <p>Dalam pada itu, Ketua Strategis Pasaran Global Axicorp, Stephen Innes, berkata peningkatan ringgit itu berkait rapat dengan prospek kenaikan harga minyak pada jangka sederhana ketika pasaran dilihat mengelak unjuran jangka pendek lebih suram serta mengandaikan pemulihan harga minyak lebih ketara pada suku ketiga tahun ini.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasan/2020/04/680609/pemulihan-harga-minyak-dorong-kenaikan-ringgit
2.	Sinar Harian	<p>Jangan bazir elektrik! Guna secara berhemah ketika PKP</p> <p>PENGUMUMAN diskaun elektrik berperingkat oleh kerajaan kepada pengguna domestik dalam pakej rangsangan ekonomi berikutan penularan virus Covid-19 bukan bererti pengguna boleh bermewah-mewah.</p> <p>Penggunaan elektrik secara berhemah perlu diteruskan bagi</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/80259/BISNES/Jangan-bazir-elektrik!-Guna-secara-berhemah-ketika-PKP

		mengelak pembaziran sekali gus mengoptimumkan manfaat diskaun.	
3.	Harian Metro	<p>Permintaan daging lembu meningkat di Terengganu</p> <p>PERMINTAAN terhadap daging lembu di Terengganu meningkat berbanding kebiasaan, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/570498/permintaan-daging-lembu-meningkat-di-terengganu
4.	News Straits Times	<p>Domestic activities to rebound in Q3: Mier</p> <p>Local economic activities including trade and investment are likely to fully rebound by the third quarter (Q3) of 2020 before strengthening next year. This projection is from the Malaysian Institute of Economic Research (Mier) under the best-case scenario, while presuming that the Movement Control Order (MCO) will be gradually lifted after April 28.</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/04/586970/domestic-activities-rebound-q3-mier

Penemuan penting & isu:

1. Saham-saham berkaitan minyak global yang mencatat prestasi lebih baik semalam, disokong oleh dividen tinggi dan jangkaan pembetulan harga minyak yang positif pada suku ketiga. Malaysia adalah pengeksport bersih minyak mentah dan produk petroleum dan sebarang pergerakan harga minyak mentah turut memberi pengaruh besar terhadap pengukuran ringgit.
2. Diskaun berperingkat untuk pengguna elektrik domestik selama enam bulan bermula 1 April 2020. Diskaun diberi mengikut jumlah berbeza seperti berikut, diskon 50 peratus kepada pelanggan domestik/kediaman bagi penggunaan elektrik hingga 200 kWj sebulan; diskon 25 peratus bagi penggunaan elektrik antara 201 hingga 300 kWj sebulan; diskon 15 peratus bagi penggunaan elektrik antara 301 hingga 600 kWj sebulan; dan diskon 2 peratus bagi penggunaan elektrik melebihi 600 kWj sebulan.

- | |
|---|
| <p>3. Harga daging lembu baka di Terengganu dijual pada harga RM30 sekilogram dan menunjukkan pembeli masih mampu mendapatkannya berdasarkan permintaan. Daging lembu dijual lebih rendah daripada harga pasaran untuk membantu pengguna mendapatkan bekalan daging segar ketika Ramadan.</p> <p>4. Malaysia's trade with Asean accounted for 26.5 per cent from the total trade of RM136.28 billion as at February. The production and trade might not fully recover (about 96-98 per cent capacity) by the fourth-quarter of 2020 and into the first-quarter of 2021.</p> |
|---|

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan harga minyak mentah akan memberi kesan kepada penyusunan IHPR April 2020 di bawah sektor perlombongan. Kenaikan harga minyak dunia akan memberi tekanan kepada inflasi yang kuat kepada inflasi memandangkan wajaran bagi bahan api kenderaan persendirian adalah besar kepada bakul IHP.
2. IHP bagi bulan April akan mengambil kira diskau bil elektrik bagi pengguna domestik. Perbelanjaan Isi rumah untuk kumpulan ini akan berkurangan berikutan pemberian diskau ini. Namun ianya dijangka tidak memberi kesan secara langsung kepada IHP kerana kriteria yang diambil dalam IHP adalah perkadaran bagi Bil elektrik, penggunaan di rumah (200 k.w.h dan 500 k.w.h pertama).
3. Sekiranya harga daging lembu dijual lebih rendah di Terengganu ketika PKP, IHP April 2020 bagi kumpulan 012 (Daging) akan menunjukkan penurunan di Negeri Terengganu.
4. Ekonomi dan perdagangan yang dijangka akan kembali pulih pada suku ketiga 2020 sedikt sebanyak akan memberi impak kepada inflasi. Namun, ianya mungkin akan diimbangi dengan harga minyak mentah dunia.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani	<p>PKP: Ikan kering, masin kurang dapat sambutan menjelang Ramadan</p> <p>Ketiadaan pelanggan termasuk pemborong datang ke rumah selain kekangan untuk keluar membuat pengedaran sendiri menyebabkan produk ikan kering dan ikan masin pengusaha di Kuala Sungai, Kuala Kedah, merudum menjelang Ramadan, tahun ini</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-ikan-kering-masin-kurang-dapat-sambutan-menjelang-ramadan-239730

2.	Harian Metro	677 rakyat Malaysia di Thailand sudah pulang Kira-kira 677 rakyat Malaysia di Thailand kembali ke tanah air pada 20 April lalu melalui pusat pemeriksaan sempadan antara kedua-dua negara dengan bantuan Kedutaan Malaysia di Thailand dan Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla.	https://www.hmetro.com.my/mutahir/2020/04/570045/677-rakyat-malaysia-di-thailand-sudah-pulang
3.	Harian Metro	Tiada lagi zon jingga Covid-19 Tiada lagi zon jingga wabak Covid-19 di seluruh negara selepas semua 17 daerah mencatatkan penurunan kes, setakat 12 tengah hari semalam.	https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/570315/tiada-lagi-zon-jingga-covid-19
4.	Berita Harian	Pertanian sektor paling pantas pulih pasca COVID-19 – MIER Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia menjangkakan sektor pertanian, terutama jaminan makanan, akan menjadi sektor yang paling pantas pulih selepas berakhirnya krisis pandemik COVID-19.	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/680786/pertanian-sektor-paling-pantas-pulih-pasca-covid-19-mier

Penemuan penting & isu:

1. Setiap kali menjelang Ramadan, ikan kering dan ikan masin keluaran pengusaha kawasan Kuala Sungai, Kuala Kedah menjadi buruan orang ramai sebagai juadah pembuka selera ketika bersahur, namun kini ianya kurang mendapat sambutan disebabkan COVID-19 (PKP). Kini mereka hanya mengharapkan pelanggan yang datang beli di rumah selain jualan di pasar di kampung berhampiran. Hal ini menyebabkan jualan ikan masin tersebut kurang baik seperti sebelum ini. Selain itu, PKP juga menyebabkan bekalan ikan mentah dari nelayan tempatan berkurang.
2. Duta Malaysia ke Thailand Datuk Jojie Samuel berkata usaha itu berhasil selepas perbincangan menerusi telefon antara Menteri Luar Datuk Seri

Hishammuddin Tun Hussein dan rakan sejawatannya dari Thailand, Don Pramudwinai pada 17 April lalu. Perbincangan itu adalah untuk membenarkan warga masing-masing yang terkandas melalui pusat pemeriksaan sempadan. Kedutaan juga mengeluarkan lebih 300 surat sokongan untuk rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan visa di biro Imigresen Thailand.

3. Tiada lagi zon jingga wabak Covid-19 di seluruh negara selepas semua 17 daerah mencatatkan penurunan kes, setakat 12 tengah hari semalam.
4. Pertanian adalah antara sektor paling berdaya tahan dan mempunyai peluang paling tinggi untuk kembali melonjak, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ia bukan hanya membabitkan perusahaan besar semata-mata, malah juga perusahaan kecil serta pembabitan rakyat yang boleh bercucuk tanam di kawasan rumah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penularan wabak Covid-19 secara keseluruhannya menjelaskan aktiviti ekonomi khususnya kepada peniaga dan penjaja kecil. Sudah tiba masanya peniaga dan penjaja menggunakan platform media sosial dan digital untuk memastikan perniagaan terus aktif dan mengurangkan impak kerugian. Walabagaimanapun, ianya menjadi kekangan kepada penduduk yang sudah berusia yang tinggal di pedalaman dan tidak mempunyai pengetahuan asas Teknologi Maklumat (IT). Bahagian akan mengenal pasti bilangan Isi Rumah yang menjalankan aktiviti perniagaan mengikut negeri dan soalan mengenai pendapatan Isi Rumah akan ditanya semasa operasi Banci 2020.
2. Jabatan juga akan memastikan bilangan rakyat Malaysia ke Luar Negara dapat dikumpul dengan baik. Data ini akan diperoleh melalui Jabatan Imigresen Malaysia.
3. Penurunan kes positif Covid-19 di kawasan penduduk mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran menurun ekoran tahap patuh pada pelaksanaan PKP. Dengan ini, jangkaan awal zon merah dijangka akan menurun dan individu sembah akan meningkat. Taraf kesihatan penduduk akan memberi kesan kepada pembangunan sosial di negara ini. Beberapa soalan berkaitan kesihatan akan ditanya semasa Banci 2020 untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.
4. Aktiviti pertanian yang menjadi punca utama pendapatan penduduk Malaysia akan terjamin jika diberi jaminan pulih semasa wabak dan selepas wabak. Perubahan gaya hidup dan taburan populasi akan berubah disebabkan faktor perubahan ekonomi Malaysia.

I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Dua konsep perniagaan diperkenalkan sempena bulan Ramadan</p> <p>Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM) memperkenalkan konsep Berniaga dalam Restoran (BdR) bagi membantu golongan peniaga dapat menjual juadah berbuka puasa, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sempena bulan Ramadan ini. Melalui BdR pula disasarkan kepada peniaga kecil yang terdiri daripada penjual kuih-muih atau lauk-pauk secara kecilan yang mana mereka boleh menghantar makanan itu ke restoran mengikut pilihan mereka sendiri. Konsep ini diharapkan dapat membantu peniaga bazar Ramadan yang tidak dibenarkan beroperasi ketika PKP tetapi mereka masih berpeluang untuk menjual juadah berbuka, selain berniaga melalui e-bazar.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/680723/dua-konsep-perniagaan-diperkenalkan-sempena-bulan-ramadan
2.	Harian Metro	<p>1,500 pemain bola sepak bakal menganggur</p> <p>Kira-kira 1,500 pemain bola sepak di Malaysia bakal menjadi penganggur sementara sekiranya saingan bola sepak tempatan seperti Liga Super, Liga Perdana, Liga M3 dan beberapa kejohanan peringkat pembangunan dibatalkan tahun ini.</p>	https://www.hmetro.com.my/arena/2020/04/570183/1500-pemain-bola-sepak-bakal-menganggur

	<p>Wabak pandemik Covid-19 ini tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mana-mana negara membatalkan liga sebaliknya ia boleh dilangsungkan dengan pelbagai kaedah termasuk beraksi tanpa penyokong.</p>	
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan Majlis Daerah Tanjung Malim memperkenalkan konsep baru iaitu Berniaga dalam Restoran (BdR) selain kaedah sedia ada menggunakan platform e-bazar secara tidak langsung dapat membantu golongan peniaga kecil meraih pendapatan dengan menjual juadah berbuka puasa dalam restoran tersebut. 2. Dianggarkan 1,500 pemain bola sepak di Malaysia bakal menjadi penganggur sementara sekiranya saingan bola sepak tempatan seperti Liga Super, Liga Perdana, Liga M3 dan beberapa kejohanan peringkat pembangunan dibatalkan tahun ini. Tindakan kerajaan dalam membatalkan liga bukan sahaja menjelaskan pendapatan pemain bola sepak malah memberi kesan kepada pendapatan jurulatih, fisioterapi dan kitman pasukan. 		
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga bazar Ramadan yang tidak dibenarkan beroperasi ketika PKP masih boleh meneruskan aktiviti perniagaan mereka menggunakan konsep Berniaga dalam Restoran (BdR) serta platform e-bazar. Ini akan memberi kesan kepada peningkatan bilangan pekerja dalam industri e-hailing ini. Jika tempoh PKP dilanjutkan dalam tempoh yang lebih lama, dijangka pekerjaan utama akan beralih kepada perkhidmatan e-hailing ini. 2. Prestasi gaji & upah bagi industri rekreatif akan turut terkesan dengan pembatalan pelbagai acara sukan, aktiviti taman hiburan, taman tema, aktiviti penganjur atau pengusaha persembahan yang terlibat secara langsung dalam acara kesenian atau sukan. 		

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets	<p>Malaysia not threatened by Bill Gates' synthetic palm oil project</p> <p>Malaysia does not see the production of synthetic palm oil by US start-up company, C16 Biosciences, as a threat to natural palm oil supply chain, particularly when produced under the best agricultural practices and sustainability standards.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-not-threatened-bill-gates-synthetic-palm-oil-project
2.	Berita Harian	<p>RRIMniaga mudahkan urus niaga getah</p> <p>Lembaga Getah Malaysia (LGM) memperkenalkan aplikasi RRIMniaga bagi mempermudahkan urus niaga getah membabitkan peruncit, pembeli dan peraih.</p> <p>LGM dalam satu kenyataan hari ini berkata, RRIMniaga adalah aplikasi telefon pintar hasil inovasi LGM bertujuan merekodkan urus niaga getah oleh pihak berkaitan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/68066/rimniaga-mudahkan-urus-niaga-getah
3.	Bernama	<p>LPNM bantu pekebun Johor pasarkan 160 tan nanas sejak pelaksanaan PKP</p> <p>Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah membantu memasarkan 160 tan nanas hasil daripada pekebun di Johor yang terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1834975

4.	Bernama	<p>Usaha kitar semula, perlindungan persekitaran terencat akibat COVID-19</p> <p>Serangan COVID-19 dan penguatkuasaan PKP telah merencatkan usaha perlindungan alam sekitar serta industri kitar semula negara.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1834852
5.	New Straits Times	<p>MITEC awarded green building index certification</p> <p>The Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MITEC) has been awarded the Green Building Index (GBI) certification by the GBI Accreditation Panel.</p>	https://www.nst.com.my/property/2020/04/586627/mitec-awarded-green-building-index-certification#.XqDxghTZh1I.whatsapp
6.	Utusan Borneo	<p>Hari Bumi 2020: Teruskan amalan gaya hidup hijau</p> <p>Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man mengajak seluruh rakyat Malaysia agar terus mengamalkan gaya hidup hijau meskipun selepas tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) berakhir kelak.</p>	https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/23/hari-bumi-2020-teruskan-amalan-gaya-hidup-hijau
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> C16 Biosciences created an artificial, fully saturated tri-stearic triglyceride through process technologies. The truth is that nature and human metabolism hardly tolerated too many of such molecules. Malaysia has led the scientific entrepreneurship in palm oil with several hundred million already expanded into various research and development programmes. These have often partnered some of the best research institutes from around the world. 			

2. RRIMniaga dapat mempermudahkan aktiviti urus niaga getah sedia ada yang mana peruncit, pembeli dan peraih tidak perlu lagi membeli buku resit, buku rekod jualan dan belian daripada pejabat LGM. Penggunaan RRIMniaga akan dapat memastikan proses transaksi getah berjalan lancar dan telus bagi kebaikan semua yang terbabit dalam urusan jual beli getah.
3. Sebanyak 100 tan nanas jenis Moris yang diusahakan oleh pekebun berdaftar di bawah LPNM Johor berjaya dipasarkan dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pengilang.
4. PKP menyebabkan bertan-tan sisa buangan yang biasanya dibawa ke pusat kitar semula terbiar di tempat pengumpulan sampah biasa. Sisa seperti ini memberikan beban yang besar kepada pihak berkuasa tempatan untuk membersihkannya selepas COVID-19 dan PKP memandangkan ia boleh mendatangkan kesan yang buruk ke atas alam sekitar.
5. The Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MITEC) has been awarded the Green Building Index (GBI) certification by the GBI Accreditation Panel. MITEC earned its stripes based on 11 winning practices, including usage of recycling material during construction, installation of a 70 per cent UV repellent glass, rainwater harvesting, Co2 sensors and fresh air fans, motion sensor in public toilets, garden watering system based on timers, and mould prevention system.
6. Seluruh rakyat Malaysia perlu terus mengamalkan gaya hidup hijau meskipun selepas tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) berakhir kelak. Gaya hidup hijau seperti menggunakan pengangkutan awam, menggunakan elektrik secara efisien serta sentiasa mengamalkan aktiviti kitar semula perlu dibudayakan sebagai sebahagian usaha untuk memastikan ekosistem bumi terus terpelihara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum berhubung aplikasi baru yang diperkenalkan oleh LGM iaitu RRIMniaga yang bertujuan untuk memudahkan urus niaga getah kepada peruncit, pembeli dan peraih. RRIMniaga membolehkan pekebun kecil mendapat manfaat IPG tanpa melalui proses konvensional kerana RRIMniaga merekod transaksi pembelian secara automatik dan mengeluarkan resit pembelian secara elektronik dan mereka tidak perlu lagi ke pejabat LGM untuk membuat permohonan IPG. Ia akan disalurkan terus ke akaun bank pemohon selepas melalui prosedur semakan semasa dan harga pengaktifan IPG diumumkan oleh LGM pada bulan seterusnya. Melalui kemudahan ini dijangka pekebun kecil akan dapat meningkatkan lagi pengeluaran mereka.
2. Memandangkan penggunaan aplikasi telah banyak diperkenalkan, BPPAS akan mengkaji keperluan cadangan untuk menambah soalan penggunaan jenis-jenis aplikasi untuk jualan atau urusan-urusan berkaitan yang menggunakan aplikasi yang disediakan.
3. BPPAS mengambil maklum atas cabaran yang dihadapi dalam usaha untuk melindungi alam sekitar serta industri kitar semula negara ketika Serangan

COVID-19 dan penguatkuasaan PKP. Statistik berkaitan aktiviti kitar semula di Malaysia dipaparkan melalui Penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS) 2019. Pada tahun 2018, Malaysia melaporkan sebanyak 2,000 tan metrik sisa pepejal yang dikitar semula di mana secara purata, 100-200 tan metrik sisa pepejal dikitar semula dilaporkan setiap bulan. Malaysia juga mencatatkan 7% peningkatan kadar kitar semula pada tahun 2015 berbanding pada tahun 2013.

- Hari Bumi telah disambut pada 22 April setiap tahun diseluruh dunia sebagai tanda sokongan kepada perlindungan alam sekitar. Tahun 2020 merupakan sambutan ke 50 dengan tema “Tindakan Menangani Perubahan Iklim”. Ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran akan kepentingan manusia menjaga alam sekitar serta bumi yang indah.

Jadual 3.6: Kutipan sisa pepejal, Malaysia¹, 2018
Table 3.6: Solid waste collection, Malaysia, 2018

Sisa pepejal Solid waste	Sisa domestik Domestic waste	Sisa pukal Bulk waste	Sisa pembersihan awam Public cleansing waste	Kitar semula (SAS) Recycling (SAS)	Tan metrik ('000) Tonnes
Jumlah Total	2,613.3	324.0	159.4	2.0	3,098.7
Januari January	218.5	25.3	12.8	0.2	256.9
Februari February	199.3	22.9	12.0	0.2	234.4
Mac March	217.1	23.7	13.4	0.2	254.3
April	213.2	24.6	12.3	0.2	250.3
Mei May	223.1	30.9	15.0	0.1	269.2
Jun June	214.6	23.3	16.4	0.1	254.4
Julai July	243.3	31.1	12.3	0.2	286.8
Ogos August	224.5	29.6	12.8	0.1	267.0
September	206.1	27.9	12.6	0.1	246.7
Okttober October	218.2	28.7	13.5	0.2	260.5
November	215.1	27.5	13.2	0.2	256.0
Disember December	220.2	28.8	13.1	0.2	262.3

Nota:
Notes:

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Source: Ministry of Housing and Local Government

¹ Merujuk kepada peraturan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang berkuatkuasa di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya
Refer to regulations under Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007 (Act 672) enforced in Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, W.P. Kuala Lumpur and W.P. Putrajaya

Jadual 7.5: Kadar kitar semula bagi negara terpilih, 2013 dan 2015
 Table 7.5: Recycling rate by selected country, 2013 and 2015

Negara Country	Tahun Year		Peratus Percentage
	2013	2015	
Singapore	61.0	59.0	
Malaysia	10.5	17.5	
Thailand	19.0	30.0	
Taiwan	60.0	60.0	
South Korea	59.0	49.0	
Japan	19.0	21.0	
Austria	58.0	63.0	
Germany	65.0	62.0	
Belgium	55.0	58.0	
United Kingdom	43.0	39.0	
Italy	41.0	36.0	
France	38.0	35.0	
United States of America	35.0	34.0	
Canada	24.0	27.0	
Australia	41.0	30.0	

Sumber : Organisations for Economic Co-operation and Development (OECD)
 Source :

5. BPPAS mengambil maklum akan saranan Menteri Alam Sekitar dan Air Malaysia untuk agar terus mengamalkan gaya hidup hijau walaupun tempoh PKP telah tamat antaranya ialah menggunakan pengangkutan awam boleh membantu menurunkan kadar pelepasan pencemar ke udara. Penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS) 2019 memuatkan statistik berkaitan pelepasan bahan pencemar ke udara mengikut jenis dan punca yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Jumlah pelepasan pencemar di udara Malaysia pada tahun 2018 ialah berjumlah 3.38 juta tan metrik di mana hampir 70% peratus daripadanya adalah berpunca dari kenderaan bermotor iaitu 2.36 juta tan metrik.

Jadual 3.2: Pelepasan bahan pencemar ke udara mengikut jenis dan punca, Malaysia, 2018
 Table 3.2: Emission of pollutants to the atmosphere by type and source, Malaysia, 2018

Bahan pencemar Pollutants	Tahun Year	Sumber Source				Tan metrik Tonnes	
		Punca tetap Stationary sources			Kenderaan bermotor Motor vehicles	Lain-lain ¹ Others	Jumlah Total
		Industri Industry	Stesen jenakuasa Power plant	Jumlah Total			
Jumlah Total	2018	96,594	821,619	918,213	2,359,040	107,517	3,384,770
	2014	101,872	742,860	844,732	2,092,006	88,151	3,024,889
Habuk Halus ² (PM) Particulate Matter	2018	8,301	8,960	17,261	3,906	5,622	26,789
	2014	9,116	7,676	16,792	4,271	4,609	25,672
Karbon Monoksida (CO) Carbon Monoxide	2018	9,151	80,940	90,091	2,113,937	6,606	2,210,634
	2014	9,667	75,481	85,148	1,850,474	5,416	1,941,038
Nitrogen Dioksida (NO ₂) Nitrogen Dioxide	2018	59,115	589,503	648,618	226,515	14,757	889,890
	2014	59,328	542,232	601,580	223,049	12,099	836,708
Sulfur Dioksida (SO ₂) Sulphur Dioxide	2018	20,027	142,216	162,243	14,682	80,532	257,457
	2014	23,761	117,471	141,232	14,212	66,027	221,471

Nota:
 Notes:

¹Temasuk hotel, pusat komersial, institusi, pasar malam dan aktiviti pembakaran terbuka
 Include hotels, commercial centres, institutions, night markets and open burning activities

²Habuk Halus (PM) termasuk semua jenis habuk halus
 Particulate Matter (PM) includes all types of particulate matters open burning activities

Sumber: Jabatan Alam Sekitar
 Source: Department of Environment

K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Premis makanan dibenar di Kedah operasi sepanjang Ramadan</p> <p>Semua premis makanan dan minuman Muslim di Kedah dibenar beroperasi pada jam 3 petang hingga 8 malam sepanjang Ramadan. Tempoh operasi itu tertakluk kepada pentadbiran dan arahan pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing berdasarkan situasi semasa dan susulan pembatalan operasi bazar Ramadan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wiliyah/2020/04/680574/premis-makanan-dibenar-di-kedah-operasi-sepanjang-ramadan

		Premis makanan dan minuman dikehendaki menggunakan perkhidmatan syarikat penghantaran makanan yang berdaftar. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Syarikat Foodpanda Malaysia Sdn Bhd, Sumhero Sdn Bhd (OdaMakan) dan Go Eat Sdn Bhd serta mengalu-alukan syarikat berkaitan juga.	
2.	Berita Harian	<p>Pakej Kedai Pintar Lazada bantu 50,000 PKS</p> <p>Lazada Malaysia menasarkan untuk membantu kira-kira 50,000 perusahaan kecil dan sederhana (SME) menerusi “Pakej Kedai Pintar” yang dilancarkannya.</p> <p>Dana tunai pakej itu yang disediakan bagi tempoh April hingga Jun 2020, membabitkan peruntukan RM10 juta dan bermatlamat membantu PKS melakukan aktiviti jualan secara dalam talian, sekali gus turut menstabilkan kerja selain menyokong ekonomi negara ketika tempoh pandemik COVID-19.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2020/04/680757/pakej-kedai-pintar-lazada-bantu-50000-pks
3.	Berita Harian	<p>Kedai barang elektrik, dobi dibenar operasi mulai esok</p> <p>Kedai barang elektrik dan elektronik serta kedai dobi di Pulau Pinang dibenarkan beroperasi setiap hari bermula jam 8 pagi hingga 8 malam, berkuat kuasa esok.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/680858/kedai-barang-elektrik-dobi-dibenar-operasi-mulai-esok

	Mesyuarat memutuskan kebenaran sektor tambahan beroperasi mengikut syarat yang diperketatkan oleh kerajaan serta mendapat kelulusan permohonan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Premis makanan dan minuman Muslim di Kedah dibenarkan beroperasi mulai 3 petang hingga 8 malam sepanjang Ramadan. Premis makanan dan minuman dikehendaki menggunakan perkhidmatan syarikat penghantaran makanan yang berdaftar. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Syarikat Foodpanda Malaysia Sdn Bhd, Sumhero Sdn Bhd (OdaMakan) dan Go Eat Sdn Bhd serta mengalu-alukan syarikat lain yang berkaitan juga.
2. Lazada Malaysia menyasar untuk membantu kira-kira 50 ribu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menerusi "Pakej Kedai Pintar" yang dilancarkan. Dana tunai pakej itu yang disediakan bagi tempoh April hingga Jun 2020, membabitkan peruntukan RM10 juta untuk membantu PKS melakukan aktiviti jualan secara dalam talian, menstabilkan kerja dan menyokong ekonomi negara ketika pandemik Covid-19.
3. Kedai barang elektrik dan elektronik serta kedai dobi di Pulau Pinang dibenarkan beroperasi setiap hari bermula jam 8 pagi hingga 8 malam. Kedai barang elektrik dan elektronik serta kedai dobi tersebut perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi dan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST4 2019:
 - i) Jawatan diisi sektor Perkhidmatan adalah sebanyak 4,440 ribu (52.5%) daripada jumlah keseluruhan 8,464 ribu. Sektor Pembinaan merangkumi 1,308 ribu (15.5%) manakala sektor Pertanian dengan 459 ribu (5.4%).
 - ii) Sebanyak 25 ribu pewujudan jawatan pada ST4 2019 di mana 12 ribu adalah daripada sektor Perkhidmatan (46.2%).
2. Statistik pekerja bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut*:
 - i) Pertanian: 1,857 ribu orang (12.2%)
 - ii) Pembinaan: 1,493 ribu orang (9.8%)
 - iii) Perdagangan borong dan runcit: 2,514 ribu orang (16.5%)

- iv) Makanan & minuman dan penginapan: 1,694 ribu orang (11.1%)
- v) Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
- vi) Perkhidmatan lain: 2,614 ribu orang (17.1%)

3. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh mengikut jam bekerja		Produktiviti buruh mengikut pekerja	
	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Pertanian	25.1	-5.8	13,177	-6.2
Pembinaan	18.6	4.3	11,106	3.1
Perdagangan borong dan runcit	42.9	3.2	25,999	3.0
Makanan & minuman dan penginapan	13.6	2.9	7,977	2.3
Pengangkutan dan penyimpanan	41.3	4.6	25,444	4.1
Perkhidmatan lain	36.5	2.2	19,392	3.7

4. Perangkaan utama mengikut saiz berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah seperti berikut:

Saiz	Bil. Pertumbuhan	Bil. Pekerja	Gaji & Upah (RM Juta)
Mikro	693,670	1,937,557	25,495
Kecil	192,783	2,351,712	61,533
Sederhana	20,612	1,363,291	41,430
Besar	13,559	3,079,678	117,238
Jumlah	920,624	8,732,238	245,696

5. Statistik pekerja mengikut taraf pekerjaan bagi tahun 2018 berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh 2018 adalah seperti berikut*:

- i) Majikan: 547.2 ribu orang (3.7%)
- ii) Pekerja: 10,700.4 ribu orang (72.4%)
- iii) Bekerja sendiri: 2,859.2 ribu orang (19.4%)
- iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 669.1 ribu orang (4.5%)

*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangannya

Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri



Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negara

CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide		Jumlah kematian keseluruhan: Total deaths: Dunia / Worldwide		Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Dunia / Worldwide		Negara yang terlibat: No. of countries inv. vcd:		Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Malaysia	
2,637,385		183,561	(6.96%)	715,281	(27.12%)	184		3,542	(63.22%)
Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematiian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematiian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematiian No. of deaths	
Amerika Syarikat	842,624	46,785	Serbia	6,630	125	Ivory Coast	952	14	
Spanyol	208,389	21,717	Australia	6,547	67	Tunisia	909	38	
Itali	187,327	25,085	Malaysia	5,603	95	Nigeria	873	28	
Perancis	157,135	21,373	Republik Dominika	5,300	260	Cyprus	790	13	
Jerman	150,648	5,315	Panama	4,992	144	Latvia	778	11	
United Kingdom	134,639	18,151	Colombia	4,356	206	Guinea	761	6	
Turki	98,674	2,376	Finland	4,129	149	Andorra	723	37	
Iran	85,996	5,391	Bangladesh	3,772	120	Lubnan	682	22	
China	83,876	4,626	Mesir	3,659	276	Costa Rica	681	6	
Rusia	62,773	555	Luxembourg	3,654	80	Bolivia	672	40	
Brazil	46,182	2,924	Afrika Selatan	3,635	65	Niger	662	22	
Belgium	41,889	6,262	Maghribi	3,446	149	Albania	634	27	
Canada	41,650	2,081	Argentina	3,288	159	Kyrgyzstan	612	7	
Belanda	35,034	4,069	Algeria	2,910	402	Burkina Faso	609	39	
Switzerland	28,268	1,509	Thailand	2,839	50	Uruguay	549	12	
Portugal	21,982	785	Moldova	2,778	76	Honduras	519	47	
India	21,797	681	Yunani	2,408	121	Kosovo	510	12	
Peru	19,250	530	Hungary	2,284	239	San Marino	488	40	
Ireland	16,671	769	Kuwait	2,248	13	Palestin	474	4	
Sweden	16,004	1,937	Kazakhstan	2,207	20	Malta	444	3	
Austria	14,940	510	Bahrain	2,027	7	Senegal	442	6	
Israel	14,592	191	Croatia	1,950	48	Jordan	435	7	
Arab Saudi	12,772	114	Iceland	1,785	10	Taiwan	426	6	
Jepun	11,950	299	Oman	1,716	8	Georgia	420	5	
Chile	11,296	160	Uzbekistan	1,716	7	Congo (Kinshasa)	359	25	
Singapura	11,178	12	Iraq	1,631	83	Guatemala	342	10	
Ecuador	10,850	537	Estonia	1,559	44	Sri Lanka	334	7	
Korea Selatan	10,702	240	Armenia	1,523	24	Mauritius	329	9	
Mexico	10,544	970	Azerbaijan	1,518	20	Montenegro	316	5	
Pakistan	10,513	224	New Zealand	1,451	16	Kenya	303	14	
Poland	10,346	435	Lithuania	1,398	38	Venezuela	298	10	
Romania	9,710	527	Bosnia Herzegovina	1,368	53	Mali	293	17	
Denmark	8,271	384	Slovenia	1,353	79	Somalia	286	8	
UAE	8,238	52	Slovakia	1,325	15	Tanzania	284	10	
Indonesia	7,418	635	Makedonia Utara	1,259	56	Vietnam	268	0	
Norway	7,338	187	Cuba	1,189	40	Jamaica	252	6	
Belarus	7,281	58	Afghanistan	1,176	40	El Salvador	250	8	
Ukraine	7,170	187	Cameroon	1,163	43	Paraguay	213	9	
Qatar	7,141	10	Ghana	1,154	9	Lain-lain/ Others (Kepada persendirian)	712	13	
Czechia	7,136	210	Bulgaria	1,081	50				
Filipina	6,981	462	Djibouti	974	2				

Bilangan negara di bawah 200 kes:
Countries with 200 cases and below:

(1-50)	38	(51-100)	15	(101-150)	7	(151-200)	4
--------	----	----------	----	-----------	---	-----------	---

*(Dikemaskini pada 23 April 2020)
(Updated at 23 April 2020)*



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

Sumber: CPRC Kebangsaan dan WHO

UKM MOH